

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KILANG HARAM**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan melanjutkan program pemutihan kilang haram disebabkan Covid-19?

**JAWAPAN:**

- a) Cabutan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Ke 21/2020 bertarikh 10 Jun 2020 dan disahkan oleh MMKN Ke 22/2020 pada 17 Jun 2020 telah mengambil maklum mengenai perkara berhubung cadangan pelanjutan tempoh Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (PPSPKTK) yang akan tamat pada 30 September 2020 dan Notis Borang 7G yang telah tamat dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Oleh yang demikian, MMKN bersetuju PPSPKTK dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 manakala Notis Borang 7G yang telah tamat dalam tempoh PKP dilanjutkan sehingga 30 September 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sepanjang menghadapi COVID-19, jika ada, berapakah jumlah dalam RM yang telah disalurkan oleh MBI. Siapa, berapa bilangan dan dari manakah penerimanya.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PROGRAM PERTANIAN BANDAR**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif kerajaan bagi golongan penduduk bandar menceburi pertanian moden?
- b) Apakah bantuan Kerajaan Negeri sediakan bagi golongan petani yang ingin membesarkan lagi hasil pengeluaran atau penuaian tanaman?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menjalankan program agrobandar bandar yang menyediakan peruntukan dan bantuan kepada individu dan komuniti yang menjalankan aktiviti pertanian dalam kawasan bandar, pekan dan pinggir Bandar seperti;
  - i) Akuaponik dan hidroponik
  - ii) Tanaman secara konvensional di rumah
  - iii) Kebun komuniti di bawah PBT

Selain daripada itu, Jabatan Pertanian giat menjalankan kempen, latihan dan khidmat nasihat bagi penduduk bandar yang mengusahakan pertanian. Sehingga kini, 46,000 kg hasil pertanian daripada kebun komuniti telah dipasarkan di Pasar Tani dan Selangor Agro Market.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada sektor pertanian. Jabatan Pertanian menyediakan khidmat nasihat, kursus, latihan dan bimbingan teknikal bagi pakej amalan teknologi pertanian. Petani boleh memohon bantuan dalam bentuk input pertanian seperti baja dan benih, mesin serta peralatan pertanian, penyediaan kawasan dan lain-lain bantuan yang diperlukan. Bagi tahun 2020, jumlah peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut:

Bil	Bentuk/jenis bantuan	Nilai (RM)
1	Benih tanaman	0.5 juta
2	Baja	3.4 juta
3	Infrastruktur asas pertanian	1.7 juta
4	Mesin dan peralatan pertanian	1.3 juta

Petani boleh menghubungi Jabatan Pertanian di daerah masing-masing untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan yang diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SKIM SMART SEWA**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rumah yang ada di dalam skim ini?
- b) Apakah kriteria dan pemilihan untuk mereka yang layak mendapat manfaat daripada skim ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah rumah yang ada di dalam Skim Smart Sewa adalah sebanyak **799 unit di Negeri Selangor**. Setakat ini, sebanyak **562 unit yang telah siap dan telah disewakan** seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>LOKASI</b>	<b>Bil. UNIT</b>	<b>STATUS PROJEK</b>
1.	Pangsapuri Tun Teja, Alam Impian (Jenis A)	Petaling	5	Telah disewakan
2.	Taman Damai Utama, Puchong (Jenis A)	Petaling	110	Telah disewakan
3.	Pangsapuri Rimba Jaya, Shah Alam (Jenis A)	Petaling	41	Telah disewakan
4.	Pangsapuri De Kiara, Setia Alam (Jenis C)	Petaling	30	Telah disewakan
5.	Pangsapuri Seroja, Setia Alam (Jenis A)	Petaling	11	Telah disewakan
6.	Taman Puchong Utama, Puchong (Jenis B)	Petaling	30	Telah disewakan
7.	Taman Puchong Utama, Puchong (Jenis C)	Petaling	30	Telah disewakan
8.	Pangsapuri Arista, Bandar Parklands (Jenis A)	Klang	11	Telah disewakan
9	Pangsapuri @ Jalan Keretapi Lama, Kapar (Kos Sederhana Rendah)	Klang	64	Telah disewakan

10	Apartment Trifolis, Bukit Tinggi (Jenis D)	Klang	30	Telah disewakan
11	Pangsapuri Asteria (Jenis C)	Klang	50	Telah disewakan
12	Pangsapuri Azaria (Jenis C)	Klang	50	Telah disewakan
13	Pangsapuri Taming Mutiara, Cheras (Jenis C)	Hulu Langat	30	Telah disewakan
14	Jade Hills, Kajang (Jenis A)	Hulu Langat	10	Telah disewakan
15	Jade Hills, Kajang (Jenis B)	Hulu Langat	10	Telah disewakan
16	Jade Hills, Kajang (Jenis C)	Hulu Langat	10	Telah disewakan
17	Jade Hills, Kajang (Jenis D)	Hulu Langat	30	Telah disewakan
18	Bandar Seri Coalfields, Ijok (Jenis D)	Kuala Selangor	10	Telah disewakan
<b>JUMLAH</b>			<b>562 Unit</b>	

Manakala sebanyak **117 unit** lagi di bawah Skim Smart Sewa **telah disiapkan** dan dibuat / sedang penyerahan kunci oleh pemaju kepada LPHS dan kini sedang dibuka permohonan kepada orang awam untuk tujuan penyewaan seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>LOKASI</b>	<b>Bil. UNIT</b>	<b>STATUS PROJEK</b>
1.	Pangsapuri De Bayu, Setia Alam (Jenis C)	Petaling	30	Penyerahan unit telah dibuat dan dalam proses pemasangan dalaman unit sebelum sewaan
2.	Apartment Simfoni, Semenyih (Jenis B)	Hulu Langat	13	
3.	Antara Gapi, Serendah (Jenis D)	Hulu Selangor	4	
4.	Pangsapuri Alpinia, Dengkil (Jenis C)	Sepang	50	
5.	Rumah Bandar, Kota Puteri (Jenis D)	Gombak	20	Pemaju dalam proses serahan unit
<b>JUMLAH</b>			<b>117 Unit</b>	

Terdapat sebanyak **120 unit** lagi masih **dalam pembinaan** lagi dan dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 2020 seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>LOKASI</b>	<b>Bil. UNIT</b>	<b>STATUS PROJEK</b>
1.	Pangsapuri Harmoni 1, Putra Heights (Jenis C)	Petaling	30	Dalam pembinaan
2.	Bandar Bukit Raja Fasa 17B, Bukit Raja (Jenis C)	Klang	50	Dalam pembinaan
3.	Pangsapuri Seri Akasia (Jenis C)	Puchong Prima	30	Dalam pembinaan
4	Emira @ TTDI Grove, Kajang (Jenis A)	Hulu Langat	10	Dalam pembinaan
<b>JUMLAH</b>			<b>120 Unit</b>	

Sehingga kini, 562 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM900.00 sebulan. Manakala sebanyak 117 unit telah siap dan telah dibuat / sedang dalam proses penyerahan unit kepada LPHS manakala baki sebanyak 120 unit masih lagi dalam pembinaan di tapak.

b) Antara kriteria dan pemilihan untuk syarat – syarat kelayakan pemohon bagi Skim ‘Smart Sewa’ untuk Rumah Selangorku adalah seperti berikut :

1. Warganegara Malaysia termasuk pasangan pemohon;
2. Berusia 18 tahun ke atas dan berkeluarga atau mempunyai tanggungan;
3. Pendapatan seisi keluarga iaitu ;
  - (i) tidak melebihi RM5,000-00 sebulan dan ke bawah bagi permohonan sewa rumah Jenis A atau Rumah Kos Rendah.
  - (ii) tidak melebihi RM15,000-00 sebulan dan ke bawah dengan keutamaan diberikan kepada pendapatan kurang daripada RM10,000.00 sebulan bagi permohonan sewa rumah Jenis B, C dan D termasuk rumah kos sederhana dan sederhana rendah ;

4. Pemohon atau suami / isteri tinggal atau bekerja di Negeri Selangor;
5. Pemohon tidak mempunyai atau memiliki kediaman di Selangor (diberi keutamaan); atau mempunyai kediaman tetapi terletak melebihi 50 km daripada tempat sewa dipohon serta mestilah berdekatan dalam lingkungan 25 km perjalanan dari tempat kerja;
6. Pemohon merupakan pengundi di Negeri Selangor.
7. Tempoh sewaan minima selama 2 tahun akan diberikan pemulangan sewaan sebanyak 30% daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan. Tempoh maksima sewaan adalah 5 tahun.
8. Penyewa akan diberikan pemulangan sewaan 30% daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar sekiranya menamatkan perjanjian sewaan dalam tempoh minima setahun atas sebab berpindah ke Rumah Selangorku yang ditawarkan oleh LPHS.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : PENYEBARAN WABAK CORONA VIRUS**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kes Covid-19 di Selangor mengikut DUN dan berapakah perbelanjaan juga kategori yang telah digunakan untuk memerangi wabak?
- b) Sejauh manakah kejayaan Pakej Rangsangan Khas Selangor, indikator apa yang digunakan?
- c) Apakah usaha berterusan kerajaan negeri dalam memutuskan penyebaran wabak Covid-19?

**JAWAPAN:**

(a) dan (c) dijawab bersekali :-

Jadual 2: Statistik Bilangan Kes COVID 19 bagi Negeri Selangor Sehingga 30 Jun 2020 Mengikut Daerah.

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bil kes</b>	<b>DUN / Mukim</b>	<b>Bil kes</b>
<b>1.</b>	<b>GOMBAK</b>	<b>259</b>	Batu	145
			Hulu Kelang	53
			Kuang	12
			Rawang	36
			Setapak	13
<b>2.</b>	<b>HULU LANGAT</b>	<b>631</b>	Ampang	88
			Beranang	20
			Cheras	45
			Hulu Langat	226
			Kajang	170
			Semenyih	82
			Hulu Semenyih	0
<b>3.</b>	<b>HULU SELANGOR</b>	<b>77</b>	Ampang Pecah	12
			Batang Kali	17

			Hulu Bernam	3
			Kalumpang	2
			Serendah	36
			Buluh Telur	0
			Hulu Yam	3
			Kerling	1
			Pertak	0
			Rasa	3
			Sungai Gumut	0
			Sungai Tinggi	0
			Kuala Kalumpang	0
<b>4.</b>	<b>KLANG</b>	<b>190</b>	Kapar	57
			Klang	133
<b>5.</b>	<b>KUALA LANGAT</b>	<b>64</b>	Tanjung 12 (1)	13
			Tanjung 12 (2)	41
			Telok Panglima Garang	10
<b>6.</b>	<b>KUALA SELANGOR</b>	<b>69</b>	Batang Berjuntai	2
			Ijok	19
			Jeram	13
			Kuala Selangor	11
			Pasangan	2
			Tanjung Karang	18
			Api-Api	1
			Hulu Tinggi	0
			Hujung Permatang	3
<b>7.</b>	<b>PETALING</b>	<b>437</b>	Bukit Raja	66
			Damansara	120
			Petaling	116
			Sungai Buluh	135
<b>8.</b>	<b>SABAK BERNAM</b>	<b>30</b>	Bagan Nahkoda Omar	9
			Pancang Bedena	7
			Sabak	6
			Sungai Panjang	1
			Pasir Panjang	7
<b>9.</b>	<b>SEPANG</b>	<b>153</b>	Dengkil	56
			Labu	92
			Sepang	5

Antara usaha berterusan yang dilaksana bagi memutuskan penyebaran COVID 19 adalah:

1. Menjalankan ujian saringan secara berfokus dan berkala di sektor-sektor pekerjaan (tapak bina dan perladangan) yang menggaji pekerja warga asing
  2. Menjalankan saringan kumpulan berisiko seperti saringan di pasar, warga emas dan guru tadika/taska.
  3. Menjalankan *engagement* dengan para majikan serta pemantauan ketat secara multi-agensi bersama agensi luar seperti PDRM dan PBT di sektor-sektor pekerjaan ini bagi memastikan mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.
  4. Bagi kes-kes positif yang melibatkan warga asing, saringan kontak diperluaskan melibatkan kejiranan, kawasan tempat kerja dan tempat-tempat tumpuan warga asing dan tidak hanya tertumpu kepada kontak rapat sahaja.
  5. Bagi golongan pelarian atau PATI, kerjasama diwujudkan antara pihak Kesihatan dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan golongan ini seperti Jabatan Imigresen, PDRM serta NGO-NGO bagi mengenalpasti keberadaan golongan ini untuk diambil tindakan seterusnya dijalankan ujian saringan ke-atas mereka.
  6. Bagi PATI yang ditahan, ujian saringan dijalankan bagi memastikan mereka bebas dari COVID-19 sebelum mereka dimasukkan ke pusat-pusat tahanan dan bercampur bersama tahanan yang lain.
  7. Saringan COVID 19 dijalankan di Pintu Masuk Antarabangsa (udara dan laut) bagi setiap pelawat yang memasuki negara.
  8. Mempergiat usaha pendidikan kesihatan COVID 19 berkenaan kaedah kawalan dan pencegahan melalui media massa dan elektronik dari masa ke semasa.
  9. Mewujudkan aplikasi SELangkah bagi memudahkan pengesanan kontak kes positif COVID 19.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menjayakan pelaksanaan Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan lantaran itu Kerajaan Negeri sentiasa memastikan supaya semua inisiatif yang ditawarkan dapat dicapai dan dikecapi manfaatnya oleh semua golongan sasaran.

Inisiatif yang ditawarkan melalui Pakej Rangsangan Selangor Prihatin mencakupi segenap golongan masyarakat dan inisiatif ini diharapkan dapat membantu mengurangi beban rakyat Selangor yang terkesan susulan daripada penularan wabak pandemik. Kerajaan Negeri secara keseluruhannya telah memperuntukkan

sejumlah RM413.883 juta bagi pelaksanaan keseluruhan Pakej Rangsangan Selangor Prihatin.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pakej ini, Kerajaan Negeri memanfaatkan sepenuhnya sumber sedia ada dengan mengguna pakai mekanisme penyaluran serta pangkalan data sedia ada. Anak syarikat Kerajaan Negeri juga banyak membantu menggerakkan dan merealisasikan kejayaan Pakej ini dengan menawarkan penanguhan dan pengecualian pembayaran bagi perkhidmatan tertentu. Berdasarkan rekod, Pakej Rangsangan Selangor Prihatin ini telah memberikan manfaat kepada sekitar 3.52 juta orang penerima. Walau bagaimanapun, angka sebenar jumlah penerima kemungkinan lebih rendah mengambilkira kebarangkalian ada penerima yang mungkin menerima lebih dari satu jenis bantuan. Manakala daripada 44 inisiatif yang telah diumumkan, sebanyak 32 inisiatif telah selesai pelaksanaannya manakala selebihnya sedang dalam pelaksanaan.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak menetapkan indikator pencapaian terhadap pelaksanaan Pakej Rangsangan Selangor Prihatin ini kerana inisiatif yang telah diumumkan setakat ini lebih terarah kepada bantuan bagi penduduk yang terkesan dengan penularan wabak Covid – 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : SMART SELANGOR CCTV**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini terhadap pemasangan 5000 CCTV yang telah umum pada Bajet Negeri Selangor Tahun 2020?
- b) Nyatakan lokasi CCTV yang telah dipasang dan akan dipasang.
- c) Bagaimana CCTV ini telah membantu untuk menjamin keselamatan penduduk?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) telahpun mengenalpasti dan memuktamadkan spesifikasi teknikal pemilihan kawasan untuk pemasangan 100 unit CCTV baharu untuk tahun 2020 di seluruh Negeri Selangor.
- b) Kerja-kerja pemasangan CCTV baharu hanya akan bermula pada suku ketiga tahun 2020 ini. Lokasi pemasangan CCTV tersebut pula akan dipilih berdasarkan keperluan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Polis Diraja Malaysia Selangor di seluruh Selangor.
- c) Pemasangan CCTV dijangka berupaya untuk meningkatkan tahap kawalan dan keselamatan persekitaran penduduk menerusi beberapa kaedah seperti berikut:
  - i. Pemasangan CCTV di kawasan strategik yang dikenalpasti oleh PDRM Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor;
  - ii. CCTV yang berkemampuan untuk beroperasi di dalam pelbagai cuaca dan pencahayaan seperti hujan lebat, berjerebu, waktu malam dan sebagainya; dan
  - iii. CCTV yang disokong dengan keupayaan pemprosesan analitik pintar untuk pemantauan automatik yang menyalurkan tindakan susulan pihak-pihak yang berkaitan secara masa nyata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SEWAAN UNIT KEDAI DAN PENJAJA DIBAWAH KELOLAAN MAJLIS**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi menghadkan tempoh sewaan unit-unit sewaan kepada maksima 10tahun terpakai untuk semua PBT?
- b) Bagi unit kedai, apakah ada proses rayuan kepada peniaga yang terpaksa keluar sedangkan mereka telah mengeluarkan modal besar bagi memasang pendingin hawa dan sebagainya?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : ISU KEBOCORAN DI MERATA RATA DALAM MASJID SULTAN  
ALAUDDIN KAMPUNG BANDAR**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri berkaitan masjid ini yang telah diwartakan sebagai warisan menelan belanja 13 juta tapi masih belum boleh digunakan?
- b) Apakah tindakan mengenai projek maahad tahfiz sains intergrasi kampung bandar yang telah terhenti dimana sepatutnya siap pada pertengahan 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Kerja pembaikan kebocoran dan pemasangan penghawa dingin (*aircond*) dijangka akan dilaksanakan pada September 2020. Jangka masa kerja adalah selama 3 bulan.
- b) Projek bermula dan 6 November 2017 dan dijadualkan siap asal pada 7 Oktober 2019 dan telah mendapat *Extension Of Time (EOT)* sehingga 29 April 2020. Surat amaran kelewatan kerja telah dikeluarkan sebanyak 9 kali kepada Kontraktor Utama. Lawatan Intervensi di tapak telah dilakukan oleh JKR Selangor pada 2 Disember 2019. Namun, kontraktor masih menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan. Sehubungan dengan itu, Notis Untuk Tamat Perkhidmatan (NUTP) telah dikeluarkan pada 17 Mac 2020 oleh Pengarah JKR Selangor kepada Kontraktor Utama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PERTANIAN MODEN**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan untuk menarik minat golongan muda luar bandar bagi menceburkan diri dalam sektor pertanian agar golongan ini tidak berhijrah ke bandar untuk mencari sumber rezeki?
- b) Adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan skim bantuan benih atau peralatan pertanian kepada mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Antara usaha kerajaan untuk menarik minat golongan muda luar bandar bagi menceburkan diri dalam sektor pertanian agar golongan ini tidak berhijrah ke bandar untuk mencari sumber rezeki antaranya adalah:
  - i. Mewujudkan dan menggalakkan penyertaan anak muda dalam projek pertanian bernilai tinggi seperti tanaman nanas MD2, ternakan lembu tenusu, bidang industri asas tani dan projek yang mempunyai hasil pulangan yang tinggi;
  - ii. Skim latihan yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian seperti inkubator usahawan tani, latihan kejuruteraan pertanian, latihan industri asas tani dan latihan-latihan teknikal yang berkaitan;
  - iii. Penggunaan teknologi dan IOT dari segi benih, tanaman, ternakan dan pemasaran hasil pertanian;
  - iv. Dana, pinjaman dan geran melalui Agrobank dan Hijrah.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada sektor pertanian. Jabatan Pertanian menyediakan khidmat nasihat, kursus, latihan dan bimbingan teknikal bagi pakej amalan teknologi pertanian. Petani boleh memohon bantuan dalam bentuk input pertanian seperti baja dan benih, mesin serta peralatan pertanian, penyediaan kawasan dan lain-lain bantuan yang diperlukan. Bagi tahun 2020, jumlah peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut:



Bil	Bentuk/jenis bantuan	Nilai (RM)
1	Benih tanaman	0.5 juta
2	Baja	3.4 juta
3	Infrastruktur asas pertanian	1.7 juta
4	Mesin dan peralatan pertanian	1.3 juta

Golongan belia yang berminat boleh menghubungi Jabatan Pertanian di daerah masing-masing untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan yang diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos penyelenggaraan dan cukai-cukai yang harus dibayar dari 2017-2019?
- b) Nyatakan anggaran pendapatan setahun bangunan tersebut sekiranya ia dibuka untuk disewa.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kos penyelenggaraan, cukai dan caj lain yang dibelanjakan setahun adalah seperti berikut;

<b>Tahun</b>	<b>Kos Penyelenggaraan (RM)</b>	<b>Cukai Dan Caj Lain (RM)</b>
2017	194,869.00	463,208.00
2018	203,778.00	458,460.00
2019	289,966.00	463,208.00

- b) Yayasan Selangor telah memeterai perjanjian pembangunan semula Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang. Sewa bulanan semasa tempoh pembinaan adalah RM200,000 sebulan untuk tempoh 24 bulan dan sewa bulanan RM600,000 selepas tempoh pembinaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR DI DUN IJOK**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan di ambil untuk mengatasi sepenuhnya masalah banjir yang sering melanda kawasan2 kampung dan pekan di DUN Ijok?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah banjir di DUN Ijok secara khusus adalah pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh (Fasa 1) dengan kos sebanyak RM40 juta dan dijangka siap pada tahun 2023 (Tempoh pelaksanaan - 3 tahun). Projek ini akan memberi manfaat kepada penduduk di Kg. Parit Mahang, Kg. Bukit Kuching, Kg. Bukit Cherakah, Kg. Ijok, Kg. Harmoni serta kawasan-kawasan sekitar kampung-kampung tersebut.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Nama Projek : Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh (Fasa 1)

Kos Projek : RM 40 Juta

Status Projek :Telah dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan Kementerian Alam Sekitar dan Air pada 29 Jun 2020. Pihak jabatan masih menunggu keputusan daripada kementerian.

**Skop Projek :**

- Menaiktaraf dan membina ban sepanjang 14.65 km (CH1,200 – CH14,650)
- Mendalamkan sungai – 9 km
- Membina 2 kunci air (Parit BCXYZ & Ijok, Compartment D)
- Memasang 4 buah pam
- Menaiktaraf 'borrow-pit' – 4km
- Membina 1 buah kuarters

- Membina 1 buah jambatan
- Menaiktaraf 12 nos 'outlet structure'
- Menaiktaraf log-boom

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : KADAR KUTIPAN HASIL NEGERI**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil-hasil utama Kerajaan Negeri yang terjejas sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini?
- b) Apakah anggaran kerugian hasil Kerajaan Negeri pada tahun ini, sejak bermulanya penyebaran Covid-19 di Selangor sehingga hujung tahun nanti?

**JAWAPAN:**

- a) Saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB Bandar Utama [Soalan 152(a)], YB Sungai Burong [Soalan 255(a)], YB Bukit Gasing [Soalan 262(a)] dan YB Semenyih [Soalan 290(a)] yang bertanyakan soalan berkaitan kesan wabak Covid-19 terhadap kutipan hasil Kerajaan Negeri.

Tidak dinafikan, Pandemik Covid19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri serta usaha mendapatkan hasil yang berterusan berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Status pendapatan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 secara keseluruhannya adalah sebanyak RM1,527.61 juta atau 69.44 peratus daripada anggaran hasil RM2.2 bilion. Daripada hasil keseluruhan ini, kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM416.67 juta atau 60.08 peratus. Kutipan Hasil Bukan Cukai adalah sebanyak RM897.35 juta atau 70.71 peratus. Manakala, Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM213.58 juta atau 90.01 peratus.

- b) Kerajaan Negeri telah membuat semakan dan menjangkakan hasil yang dapat dikutip sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM1.997 bilion berbanding dengan unjuran asal tahun 2020 yang berjumlah RM2.2 bilion, iaitu unjuran penurunan sebanyak RM202.52 juta atau 9.21%.

Jadual 1 : Unjuran Hasil Dijangka Kutip Berbanding Unjuran Asal Tahun 2020

UNJURAN ASAL 2020 RM	UNJURAN DISEMAK 2020 RM	UNJURAN PENURUNAN	
		RM	%
2,200,000,000.00	1,997,485,000.00	-202,515,000.00	-9.21

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEGAWAI PENGURUS MASJID**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pengurus masjid yang telah dilantik setakat ini di negeri Selangor dan adakah masjid As Syarif Meru termasuk di dalam senarai masjid yang dilantik pengurus masjid?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga Mei 2020 terdapat 38 orang pengurus masjid telah dilantik.

Masjid As-Syarif Meru tidak termasuk sebagai salah satu masjid pengurusan yang ditadbir oleh beberapa pegawai yang diketuai oleh pengurus masjid. Masjid ini masih ditadbir oleh Jawatankuasa Kariah masjid yang diketuai oleh seorang nazir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : KISS**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status Insentif Peduli Rakyat KISS?
- b) Adakah Insentif Peduli Rakyat KISS ini diperluaskan permohonannya agar lebih ramai permohonan dibuat?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Buat masa kini, Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) masih diteruskan sebagaimana yang sedang dilaksanakan dengan jumlah penerima manfaat seramai 25,000 orang dari kalangan golongan ibu yang memenuhi kelayakan dengan peruntukan yang disediakan Kerajaan Negeri sebanyak RM62,000,000.00 bagi tahun 2020. Sebagai makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program KISS ini telah diperluaskan permohonannya melalui penambahan kuota penerima sebanyak 5,000 orang bagi tahun 2020, berbanding 20,000 orang penerima sahaja bagi tahun 2019 yang lalu, selain tiada lagi had kuota tertentu yang perlu dipenuhi untuk memberi ruang dan peluang kepada pemohon dari seluruh DUN di Selangor yang layak tampil membuat permohonan untuk turut sama menerima manfaat program KISS ini bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan pencemaran sungai melibatkan kawasan perindustrian di kawasan berhampiran sungai yang kerap berlaku pencemaran tidak berulang?
- b) Nyatakan kawasan dan jumlah denda yang telah diambil tindakan oleh PBT dalam masalah pencemaran sungai bagi tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal /*early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

Selain itu, satu surat telah dikeluarkan oleh YB EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bertarikh 1 Oktober 2019 yang memberikan cadangan bagi penambahbaikan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling yang berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

### **Maklumat tambahan**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
  - ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
  - iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna.
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan dan jumlah denda yang telah diambil tindakan oleh PBT dalam masalah pencemaran sungai bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	SENARAI KAWASAN YANG TELAH DI AMBIL TINDAKAN DALAM MASALAH PENCEMARAI SUNGAI	JUMLAH DENDA (RM)
1.	MBSA	i) Seksyen U9 Bukit Cerakah ii) Seksyen U6 Desa Subang Permai Shah Alam	RM1,250.00
2.	MBPJ	i) Premis bengkel kenderaan yang mempunyai saluran berhampiran sungai. Kesalahan UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian Sek 21(d) ii) PJS 2 = 4 Kesalahan iii) PJS 3 = 1 Kesalahan iv) Lot industri pembuatan makanan yang berhampiran sungai dan tasik. Kesalahan dibawah. Akta Kerajaan Tempatan 131, Seksyen 69. Kota Damansara	RM2,250.00
3.	MPK	Tiada	Tiada
4.	MPSJ	Tiada	Tiada
5.	MPAJ	Tiada	Tiada

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>SENARAI KAWASAN YANG TELAH DI AMBIL TINDAKAN DALAM MASALAH PENCEMARAI SUNGAI</b>	<b>JUMLAH DENDA (RM)</b>
6.	MPS	i) Medan Puteri, Bandar Tasik Puteri ii) Medan Puteri, Bandar Tasik Puteri iii) Taman Integrasi Rawang, Rawang. iv) Taman Seri Batu Caves, Batu Caves v) Kampung Orang Asli Sungai	RM5,000.00
7.	MPSP	Tiada	Tiada
8.	MPKJ	i) Kilang Hi-Tech, Semenyih ii) Ladang MIG Farm, Beranang iii) Taman Semenyih Permata, Semenyih iv) Taman Gembira. Semenvih	RM4,000.00
9.	MPKL	Tiada	Tiada
10.	MDKS	i) Bestari Jaya	RM800.00
11.	MDHS	i) Batang Kali ii) Kg. Ulu Kalong iii) Sg. Kalong	RM3,000.00
12.	MDSB	Tiada	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR  
(N32 SERI SETIA)**

**TAJUK : SKIM INSENTIF PEDULI RAKYAT SELANGOR**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat pembaikan semula setelah perubahan berlaku di Kerajaan Persekutuan. Contohnya seperti KISS & Peduli Sihat yang popular di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai makluman semua ahli Yang Berhormat, pada masa kini tiada sebarang perubahan yang berlaku ke atas pelaksanaan Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) dan Skim Peduli Sihat (SPS). Manfaat kedua-dua program ini masih diteruskan oleh Kerajaan Negeri kepada para penerima yang memenuhi kelayakan bagi meneruskan kelangsungan hidup seterusnya dapat membantu mengurangkan beban keluarga dalam mendepani situasi semasa ekonomi negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : STATUS PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara?

**JAWAPAN:**

a) Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis yang telah diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 telah dianalisis pada 12 – 13 Mac 2020. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (Town Hall Session) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan hutan simpan tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna terlebih dahulu. Seterusnya, satu Kertas Kerja akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menaik taraf sistem perparitan di Selangor bagi menangani isu banjir?

**JAWAPAN:**

- a) Inisiatif Kerajaan Negeri bagi menaiktaraf sistem perparitan untuk mengatasi banjir adalah seperti berikut:
- i. Perancangan – Semua pembangunan perlu menggunakan Manual Saliran Mesra Alam. Salah satu kaedah pemakaian garis panduan MSMA adalah kawalan di punca (*Control at Source*) dengan pembinaan kolam takungan banjir, On Site Detention Pond (*OSD*) dan juga Check Dam. Selain itu, pihak jabatan bersama dengan agensi terlibat juga akan melaksanakan Ops Lumpur bagi memantau pematuhan di tapak.
  - ii. Pelaksanaan – Manakala dari segi pelaksanaan pula, pihak jabatan menjalankan kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) di mana hasil kajian akan digunakan untuk merancang kerja-kerja pembangunan dan penaiktarafan saluran sediaada di kawasan terlibat. Antara kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh jabatan adalah menaiktaraf saluran, tebatan banjir dan juga kolam takungan untuk meningkatkan kadar efisiensi sistem saluran.
  - iii. Di dalam RMK12 sebanyak RM624.47 juta permohonan peruntukan telah dipohon kepada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir (RM361.55 juta), menaiktaraf saluran (RM174.32 juta) dan juga pembinaan serta menaiktaraf kolam takungan banjir (RM106.6 juta). Selain itu, pembinaan rumah pam juga termasuk di dalam skop bagi ketiga-tiga projek di atas mengikut kesesuaian di tapak ( Akan dipasang di kawasan rendah untuk mengeluarkan air dari kolam takungan dan juga di pintu air). Permohonan ini dipohon berdasarkan kajian dan laporan hotspot banjir.

- iv. Penyelenggaraan berkala dan penaiktarafan saliran di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga perlu dilaksanakan mengikut keperluan.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) yang telah dilaksanakan adalah:
  - i. PISMA Bandar Klang
  - ii. PISMA Bandar Kajang
  - iii. PISMA Bandar Sungai Buloh
  - iv. PISMA Sungai Besi dan Seri Kembangan
  - v. Kajian Sistem Saliran Bandar Banting
  
2. Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) yang sedang dalam pelaksanaan adalah:
  - i. PISMA Semenyih
  - ii. PISMA Selayang, Rawang, Kuang
  - iii. PISMA Kg Perepat, Telok Panglima Garang
  - iv. PISMA Kuala Langat



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : LOT PERNIAGAAN BAGI KAUM WANITA**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu kawasan perniagaan yang strategik di setiap DUN bagi kaum wanita khususnya ibu tunggal dalam membantu mereka mencari pendapatan sampingan?
  
- b) Adakah pihak PBT boleh mengenal pasti kawasan atau tapak yang sesuai untuk dibangunkan?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) akan dijawab bersekali :-

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan suatu kawasan perniagaan yang strategik di setiap DUN dan tiada polisi untuk penyediaan lot perniagaan bagi kaum wanita khususnya ibu tunggal dalam membantu mereka mencari pendapatan sampingan.

Namun demikian, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan sedang dalam usaha mewujudkan platform digital bagi para usahawan mempromosikan produk memandangkan trend perniagaan masa kini lebih terarah kepada pemasaran digital dan pewujudan pusat perniagaan di setiap DUN dilihat kurang strategik. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk mewujudkan juga suatu kawasan perniagaan yang strategik di setiap DUN, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil maklum cadangan tersebut dan mengambilkira keperluan penyediaan kawasan tersebut untuk pertimbangan kelulusan pembangunan akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PINDAAN PERLEMBAGAAN - LOMPAT PARTI, LETAK JAWATAN DARI PARTI**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk meminda perlembagaan negeri supaya ADUN yang lompat parti, dipecat dari atau letak jawatan daripada parti perlu mengosongkan kerusinya, seperti yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

**JAWAPAN:**